

**INTEGRITI GURU DALAM PENILAIAN MURID BERASASKAN
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) DI TAMAN
UNIVERSITI, SKUDAI, JOHOR BAHRU**

SALMEZI BIN MOHAMED

**Laporan projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

Disember, 2013

DEDIKASI

Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi

Kerana di atas limpah kurnia, taufik dan hidayahNya

Segala usaha telah mendapat hasil yang baik

Khas buat semua insan yang sungguh banyak memberikan bantuan

Secara langsung mahupun tidak langsung terutama kepada ibunda,

Hjh. Selamah binti Hj. Mamat dan ayahanda, Hj. Mohamed bin Hj.Che Deraman,

adik beradik, sahabat taulan,

Serta pihak-pihak yang terlibat

Hanya doa dapatku titipkan buat kalian Semoga kalian mendapat ganjaran yang

Terbaik dari Allah taala.

Amin Ya Rabbal 'Alamin

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi kesyukuran ditadahkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinannya dapat saya menyiapkan laporan untuk Projek Sarjana pendidikan (kurikulum dan Pengajaran) ini.

Jutaan terima kasih ditujukan khas buat penyelia projek ini, Dr. Sanitah binti Mohd Yusof di atas bimbingan, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dilakukan.

Sekalung budi dan penghargaan khas buat keluarga tercinta, abah, mek dan adik beradik yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya di samping memberikan semangat dan sokongan moral untuk menyiapkan laporan projek ini.

Kepada rakan taulan dan sahabat semua yang tidak putus-putus membantu dan memberikan semangat, saya tidak akan melupakan jasa anda semua. Jasa kalian amat saya hargai dan hanya Allah yang dapat membalasnya. Semoaga Allah membalas jasa kalian semua. Amin Ya Rabbal A'lam.

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini dijalankan bertujuan untuk meninjau integriti guru dalam penilaian murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Taman Universiti, Johor Bahru. Kajian dijalankan berdasarkan tiga persoalan kajian iaitu mengenalpasti tahap integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR dan mengenalpasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR. Sampel kajian yang terdiri daripada 135 orang guru sekolah rendah di empat buah sekolah disekitar Taman Universiti. Hasil kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Science Social Version 21.0 (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR ini berada pada tahap yang tinggi (min = 4.04). Namun begitu, masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan penilaian ini juga berada pada tahap yang tinggi (min = 3.98). Majoriti guru menyokong bahawa kesedaran tentang kepentingan integriti dan pendedahan tentang nilai integriti perlu diberikan kepada guru-guru sebagai usaha untuk meningkatkan integriti. Akhir sekali, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk guru-guru, pihak sekolah dan pengkaji akan datang bagi melanjutkan kajian lanjutan pada masa akan datang.

ABSTRACT

This descriptive study was conducted to survey the integrity of teachers in assessing students based on Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) in Taman Universiti, Johor Bahru. The study was based on three objectives which are to identify the level of integrity of teachers in students assessment based on KSSR, identify the problems faced by teachers in the assessment and to identify efforts to improve the integrity of teachers in evaluating students. The sample of this study consisted of 135 primary school teachers in four schools around Taman Universiti. Results were analyzed using the application software *Statistical Package For Social Science Version 21.0 (SPSS)* . The results showed that the integrity of teachers in the student assessment based on KSSR is at a high level (mean = 4.04). However, the problems faced by teachers in the implementation of this assessment are also at a high level (mean = 3.98). Majority of teachers support that awareness of the importance of integrity and disclosure of integrity should be exposed to the teachers in order to improve integrity. Finally, the researchers put forward several suggestions for teachers, schools and future researchers to pursue further studies in the future. .

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PENGAKUAN	i – iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	7
	1.3 Penyataan Masalah	9

1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Rasional Kajian	11
1.8	Skop dan Batas Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	12
	1.9.1 Pengkaji	12
	1.9.2 Responden	12
	1.9.3 Integriti	13
	1.9.4 Penilaian	13
	1.9.5 KSSR	14
	1.9.6 Guru	14
1.10	Kesimpulan	15
BAB II	KAJIAN LITERATUR	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Integriti	19
2.3	Tonggak 12	21
2.4	Guru	23
2.5	KSSR	25
2.6	Penilaian Berasaskan Sekolah(PBS)	26
2.6	Rumusan Kajian Literatur	28

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	30
3.1	pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Proses Menjalankan Kajian	32
3.4	Lokasi Kajian	33
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	33
3.6	Instrumen Kajian	34
3.6.1	Soal Selidik	35
3.6.2	Bahagian A	35
3.6.3	Bahagian B	35
3.6.4	Pengesahan Konstruk	37
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	38
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Soal Selidik	38
3.8	Analisis Data Dan Soal Selidik	39
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	40
3.9.1	Kajian Rintis	41
3.10	Penutup	41

BAB IV	ANALISIS DATA	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Responden	43
4.2.1	Jantina	43
4.2.2	Jenis Sekolah	44
4.2.3	Jawatan	44
4.2.4	Taraf Pendidikan	45
4.2.5	Tempoh Pengalaman Mengajar	46
4.3	Analisis Persoalan Kajian Pertama	47
4.4	Analisis Persoalan Kajian Kedua	51
4.5	Analisis Persoalan Kajian Ketiga	54
4.6	Penutup	56
BAB V	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	57
5.1	Pengenalan	57
5.2	Ringkasan Kajian	58

5.2.1	Tahap Integriti Seseorang Guru dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	59
5.2.2	Masalahan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Penilaian Murid Berasaskan KSSR	59
5.2.3	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Dalam Proses Penilaian Murid Berasaskan KSSR Di Sekolah	60
5.3	Perbincangan dan Implikasi Kajian	61
5.3.1	Tahap Integriti Seseorang Guru dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	61
5.3.2	Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Penilaian Murid Berasaskan KSSR	64
5.3.3	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Dalam Proses Penilaian Murid Berasaskan KSSR Di Sekolah	66
5.4	Cadangan	68
5.4.1	Cadangan Bagi Guru Yang Terlibat Dengan Penilaian Berasaskan KSSR	68

5.4.2	Cadangan Kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	69
5.4.3	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	70
5.4.4	Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.5	Penutup	72
	BIBLIOGRAFI	75
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Yang Digunakan Pada Bahagian B	36
3.2	Pengesahan Konstruk Bagi Soalan Bahagian B	
	Soal Selidik	37
3.3	Menunjukkan Ringkasan Persoalan Kajian, Instrumen Kajian Dan Analisis Data	39
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	43
4.2	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah	44
4.3	Taburan Responden Mengikut Jawatan	45
4.4	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	46
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman	47
4.6	Integriti Guru Dalam Penilaian Murid Berasaskan KSSR	48
4.7	Masalah Yang Dihadapi Guru Dalam Proses Penilaian Murid Berasaskan KSSR	51

4.8	Usaha Untuk Meningkatkan Integriti Guru Dalam Proses Penilaian Murid Berasaskan KSSR	54
-----	---	----

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur Kajian Yang Digunakan Oleh Pengkaji	32

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Surat Kebenaran EPRD
C	Surat Kebenaran Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses transformasi telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara untuk meningkatkan taraf pendidikan supaya setanding dengan pendidikan global. Transformasi pendidikan telah mengubah cara sistem pendidikan supaya ianya dapat melahirkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan arus pendidikan masa kini. Semasa melaksanakan transformasi ini, setiap guru perlu melalui satu transformasi dari segi kaedah pengajaran, pengetahuan, bahan dan integriti. Integriti guru sangat diperlukan dalam menjalankan transformasi sistem pendidikan negara. Dengan mengamalkan sikap integriti, sistem pendidikan negara akan menjadi lebih seimbang dan menepati kandungan yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan individu yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan

kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Integriti bermaksud kejujuran, ketelusan, kesempurnaan dan keutuhan. Maksud integriti tersebut adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi serta boleh dipercayai (kamus Dwibahasa DBP,1985). Integriti juga merupakan satu konsep yang kompleks dan berasal daripada perkataan latin ‘integer’ yang membawa maksud menyeluruh, sempurna dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund,2003). Integriti dari pespektif Islam adalah manusia yang memiliki insaf ketuhanan yang tinggi dan akan sentiasa menjadikan Allah sebagai sumber dalam memelihara dan menjaga tertib diri, amal perbuatan, tingkah laku dan perangai kerana integriti hanya berkaitan dengan manusia sahaja yang mana integriti boleh cair dan terungikai kerana ketikanya manusia boleh melampaui batas (Sidik Baba, UIAM ,2000). Guru yang berintegriti akan dapat menzahirkan segala nilai-nilai integriti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan nilai ini, seseorang guru itu akan berpegang kepada prinsip semasa melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya. Selain itu juga, nilai integriti ini memberi rangsangan dan pendorong kepada semua guru dalam menjalankan tugas yang dipikul.

Sementara itu, peranan guru amat penting dalam memperkasakan wacana pendidikan formal yang bermula dari peringkat sekolah rendah lagi (Mohd Johdi,2008). Dengan penggembelangan tenaga, personaliti dan ciri-ciri guru cemerlang dan guru pakar dapat menjadi formula mewujudkan guru berkualiti, berintegriti dan efektif. Jika dulu, guru merupakan individu atau kumpulan kecil masyarakat yang amat dihormati. Ramai yang mengakui bahawa dewasanya seseorang itu adalah dimulakan oleh seorang guru biasa. Namun kini, masyarakat

lebih mudah menyalahkan para guru apabila hasil didikan tidak menjadi (Sharifah Raudzah, 2008). Fenomena ini membuktikan bahawa guru sekolah rendah perlu dinilai dan dipantau untuk memperkukuhkan jati diri kerana dapatan kajian Hamidah et.al. (2006) mendapati bahawa guru yang berintegriti sahaja yang akan dapat memacu sesebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang menyumbang ke arah pembangunan negara dengan lebih berkesan. Dengan erti kata lain, integriti dalam diri seorang guru amat penting kerana masa hadapan pelajar, malah masa hadapan bangsa dan negara adalah ditentukan oleh corak didikan yang disemai oleh guru-guru hari ini. Negara akan hilang daya saing dan ketinggalan dari kemajuan global sekiranya para guru tidak menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab. Ini selaras dengan matlamat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral, beretika, beriman, bertakwa dan berbudi pekerti luhur.

Penilaian murid yang akan dilaksanakan oleh guru-guru yang berintegriti akan membawa perubahan yang besar dalam sistem pendidikan negara kita pada hari ini. Penilaian murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dimulakan pada tahun 2011. Dalam pelaksanaan KSSR ini, guru merupakan orang yang paling penting dalam perlaksanaannya kerana guru adalah orang yang bertanggungjawab dalam membuat penilaian keatas setiap orang murid. Penilaian murid bermaksud menilai murid dari segi perkembangan intelektual, emosi, bahasa, kognitif bagi mengetahui kelemahan dan kekuatan (Jamila K.A Mohamed, 2005). Selain itu juga penilaian membawa maksud satu proses menentukan, mendapatkan dan memberi maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan yang akan diambil selanjutnya (D.Stufflebeam, 1971). Dalam proses penilaian, terdapat beberapa jenis penilaian antaranya ialah penilaian pengesanan, diagnostik, perkembangan, pencapaian dan psikologi. Setiap penilaian ini, mempunyai tujuan yang sama tetapi kaedah yang berbeza.

Penilaian merupakan perihal atau perbuatan, menilai dan menaksir (Kamus Dewan,1994). Justeru penilaian ialah suatu proses yang berterusan bagi mendapatkan maklumat semula dengan tujuan supaya penggubahan kepada pelajar dalam aspek pemikiran,perasaan dan tingkahlaku dapat dilakukan dengan sempurna (Abu Bakar Nordin,1994). Proses ini amat penting bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran selain memastikan para pelajar tidak tergelincir daripada mengikuti sukatan mata pelajaran yang telah ditetapkan. Adalah penting usaha membentuk pelajar mencakupi segala aspek ini sentiasa dikaji bagi memastikan keberkesanan sukatan dan aktiviti yang dijalankan dapat memenuhi kehendak dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu penilaian merupakan satu aktiviti yang amat bermakna dan bermanfaat yang perlu dilakukan seiring dengan proses Pembelajaran & Pengajaran (P&P).

Tugas guru semakin hari semakin penting kerana bidang pendidikan memberi sumbangan besar dalam menentukan kejayaan sesebuah negara. Hakikat ini lebih relevan lagi dalam era siber di mana kemajuan dan kejayaan anak bangsa bergantung kepada penguasaan ilmu dan teknologi (Tan Sri Muhiyiddin Yassin, 17 Mac 2011). Nilai ini juga amat bertepatan dengan ciri-ciri seorang guru yang berkesan dalam pengajarannya. Dalam usaha memartabatkan profesion keguruan, guru sebenarnya mempunyai peranan yang amat besar dalam mencorakkan sistem pendidikan negara. Ilmu dan amalan guru menjadi cerminan dan impak kepada tahap kualiti dan profesion keguruan. Guru perlulah mempunyai akauntabiliti yang tinggi iaitu, terhadap negara, profesion, murid-murid, ibu bapa, dan diri sendiri.

Nilai-nilai integriti guru dapat mencorak dan mendidik bagi mencapai apa yang dihasratkan oleh negara. Namun, sekiranya nilai integriti tidak dapat dikuasai dengan baik dan menjadi pegangan setiap guru, ia akan membawa kepada masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini berikutan hasil kajian Aminah Ayob, Mokhtar Ismail & Khadijah Zon (2003) yang mendapati bahawa guru sendiri kadang kala boleh menjadikan pelajar hilang disiplin. Maka, sebagai

seorang guru yang berintegriti seharusnya sadar bahawa maruah guru dan profesion perguruan terletak di tangan guru sendiri (Azlina, 2008). Guru yang berintegriti sahaja yang akan dapat memacu sesebuah organisasi ke arah perkhidmatan yang berkualiti yang menyumbang ke arah pembangunan negara dengan lebih berkesan. Dengan erti kata lain, integriti dalam diri seorang guru amat penting kerana masa hadapan pelajar, malah masa hadapan bangsa dan negara adalah ditentukan oleh corak didikan yang disemai oleh guru-guru hari ini. Negara akan hilang daya saing dan ketinggalan dari kemajuan global sekiranya para guru tidak menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan penuh tanggungjawab. Ini selaras dengan matlamat negara untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral, beretika, beriman, bertakwa dan berbudi pekerti luhur. Oleh itu, kerajaan memerlukan sebuah inventori yang sah dan sesuai dengan konteks pendidikan Malaysia untuk mengukur nilai integriti dalam diri setiap guru.

Integriti merupakan elemen penting kesejahteraan setiap seseorang pendidik. Menurut kajian Jamiah et.al.(2005) mendapati integriti mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan individu (Widang & Fridlund, 2003), kesejahteraan komuniti dan kesejahteraan organisasi (Ones, D.S.Viswesvaran, C. & Schmidt. F.L.,2003). Integriti membentuk staf yang mempunyai tingkah laku yang baik (Ones et.al.,2003 dan Mikulay & George,2001). Sebaliknya, kelemahan integriti akan menyumbang kepada keruntuhan nilai moral dan kerosakan sesuatu profesion pekerjaan (Hardingham,2004). Nilai integriti mempunyai hubungan signifikan dengan staf yang pernah menerima anugerah di peringkat universiti,kebangsaan dan antarabangsa. Mohamed Sani (2007) telah menjalankan satu kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti sama ada integriti kepimpinan, pembentukan visi, misi dan maklumat serta pelaksanaan mengkaji pengaruh pengurusan integriti ke atas kelakuan beretika. Hasil kajian ini mendapati faktor umur, taraf pendidikan, pangkat, dan tempoh perkhidmatan mempunyai perbezaan yang signifikan sementara faktor jantina dan taraf perkahwinan tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas kelakuan beretika. Selain itu, ciri-ciri kebaikan, kejelasan, konsistensi penyelia, dan kebolehcapaian mempunyai perkaitan dengan kelakuan beretika.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang baru dijalankan ini akan membawa satu lagi perubahan baru dalam sistem pendidikan negara. Dengan pelaksanaan KSSR ini, ianya akan meningkatkan dan menambah baik kepada sistem pendidikan yang sedia ada. Dalam sistem baru ini, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan bagi membuat penilaian dan kecemerlangan kepada seseorang pelajar. PBS merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirnya dilaksanakan oleh guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran merupakan komponen penting dalam pendidikan kerana ia memberi maklumat mengenai perkembangan murid kepada guru, ibu bapa dan murid itu sendiri. Hasil pentaksiran boleh membantu guru menilai kaedah pengajaran dan aktiviti yang dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan kelicinan pelaksanaan KSSR, guru seharusnya menggunakan Dokumen Standard Kurikulum yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran manakala Dokumen Standard Prestasi adalah rujukan utama untuk mentaksir dan mengukur penguasaan murid. Ketika inilah pelbagai persoalan yang berkait rapat dengan integriti guru semasa pelaksanaan KSSR akan timbul seperti adakah guru telus semasa melaksanakan PBS.

Semasa pelaksanaan ini, adakan guru hanya sekadar memasukkan markah atau band murid tanpa melakukan ujian dan mengikut penilaian secara peribadi. Persoalan-persoalan inilah yang akan dirungkai melalui kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam pelaksanaan sistem Kurikulum Standard Sekolah rendah (KSSR), pelbagai pihak yang terlibat untuk memastikan setiap objektifnya tercapai. Antara orang yang penting dalam proses pelaksanaan sistem ini adalah guru. Guru sering diberikan tanggungjawab yang berat dalam usaha mendidik anak bangsa kerana melalui pendidikan usaha memindahkan ilmu pengetahuan berlangsung dan dalam usaha itu guru yang berintegriti amat diperlukan kerana ia menentukan kesinambungan negara bangsa yang berkualiti dan membentuk generasi minda kelas pertama.

Guru merupakan tonggak utama dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru juga menjadi *role model* kepada murid dalam membentuk keperibadian dan sahsiah diri. Maka, seseorang guru perlulah menunjukkan akhlak dan perwatakan yang baik serta berdedikasi dalam setiap perbuatan dan tingkahlaku. Ini kerana segala perbuatan itu akan dicontohi dan menjadi ikutan setiap murid. Nilai integriti yang wujud dan diterapkan dalam setiap guru akan lebih menjadikan guru itu seorang insan yang mempunyai kelayakan dan dipandang tinggi oleh setiap lapisan masyarakat. Menurut Mohd. Izraudin (2004), proses pembangunan diri guru merupakan program berterusan dan bersifat jangka panjang yang terancang dan dilaksanakan secara sistematik. Pembangunan diri guru ini berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan cermin bagi menilai rupa bentuk dan identiti keseluruhan budaya pendidikan Negara dengan bermatlamat untuk melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu, memelihara masyarakat yang bersatu padu, progresif serta berdisiplin.

Dalam setiap pelaksanaan KSSR ini, penilaian ada salah satu cabang yang akan menentukan tahap pendidikan negara kita. Penilaian yang dilakukan adalah untuk menentukan tahap pencapaian setiap murid bagi untuk mencapai tahap penguasaan ilmu pengetahuan secara sistematik dan berkesan. Guru yang berintegriti memainkan peranan yang utama dalam proses penilaian murid. Dengan nilai integriti yang tinggi, seseorang guru itu berkemungkinan akan dapat melaksanakan setiap tanggungjawab yang di amanahkan dengan baik dan telus. Proses penilaian murid akan dijalankan dengan sebaik mungkin dan segala proses penilaian akan menjadi lebih teratur dan berkesan. Sebaliknya jika , nilai integriti seseorang guru itu lemah atau kurang, proses penilaian murid akan menjadi tidak telus. Ini kerana nilai integriti membawa kesan yang tidak baik kepada pencapaian murid.

Kebiasaanya dalam setiap proses pembinaan sesuatu sistem pendidikan negara yang baru, terdapat beberapa masalah yang timbul disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut terdiri dari pelbagai sumber mahupun individu pelaksana. Antara beberapa masalah yang timbul dalam penilaian murid berasaskan KSSR, datangnya dari pihak pentadbir mahupun individu itu sendiri iaitu guru. Di awal pelaksanaan sistem baru ini, terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pelaksanaannya. Masalah yang timbul biasanya melibatkan sistem pembinaan kurikulum, kaedah-kaedah pembinaan modul dan sistem yang digunakan. Sedikit sebanyak akan menyebabkan masalah kepada semua pihak pelaksana.

Daripada pernyataan di atas, penyelidik merasa lebih yakin dan berminat untuk mengkaji sejauh mana nilai yang ada pada seseorang guru semasa membuat penilaian terhadap seseorang murid serta tahap nilai integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

1.3 Penyataan Masalah

Dalam pelaksanaan sistem baru pendidikan negara iaitu KSSR, integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR merupakan pokok utama yang sering dipersoalkan. Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu sistem pentaksiran yang diperkenalkan dalam transformasi pendidikan yang menumpukan kepada ujian pencapaian dan peperiksaan berorientasikan peperiksaan kepada sistem yang lebih holistik. Tujuannya ialah untuk menyediakan satu set indikator untuk menilai potensi murid dan kesediaan untuk belajar, selain menguji penguasaan dan pencapaian. Sehubungan dengan itu kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap integriti guru dalam penilaian setiap murid. Ia juga mengenal pasti setiap masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses penilaian dilakukan serta mengetahui setiap usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dilakukan dengan mengambil kira beberapa objektif iaitu :

- i. Menenalpasti tahap integriti guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR.
- ii. Menenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.
- iii. Menenalpasti usaha untuk meningkatkan integriti guru dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap integriti seseorang guru dalam penilaian murid berasaskan KSSR
- ii. Apakah terdapat permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan penilaian murid.
- iii. Adakah usaha untuk meningkatkan integriti dalam proses penilaian murid berasaskan KSSR di sekolah.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam usaha penambahbaikan kepada pentaksiran sekolah sedia ada, Pentaksiran Rujukan Standard diperkenalkan iaitu menggunakan Standard Prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Ia merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang telah dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melapor prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan kemajuan dan pertumbuhan serta perkembangan prestasi murid dalam pembelajaran dengan merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid juga akan dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain. Dapatan ini akan digunakan untuk membolehkan para guru serta pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan

mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

1.7 Rasional kajian

Kajian yang dilaksanakan ini sebenarnya memberi impak yang amat besar dalam profesion keguruan dan proses pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Sekiranya KSSR diurus tadbir dan dilaksanakan dengan bijak, guru akan mendapati bahawa KSSR sebenarnya memberi banyak manfaat dan mampu mengurangkan tekanan beban tugas guru. Sehubungan dengan itu, bagi membantu guru melaksanakan KSSR dengan berkesan, akauntabiliti atau kebertanggungjawaban seseorang guru terhadap profesion perguruan, tanggungjawab terhadap negara dan tanggungjawab terhadap sekolah, masyarakat dan diri sendiri menuntut nilai integriti yang sangat tinggi harganya. Ini kerana integriti merupakan aspek yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, amanah, berpegang kepada prinsip, sukar dipengaruhi dan boleh dipercayai dalam melaksanakan tugas diberi.

1.8 Skop dan Batas Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian dipilih daripada semua guru di empat buah sekolah kebangsaan di Taman Universiti, Skudai. Sekolah-sekolah tersebut di labelkan sebagai SK A, SK B, SK C dan SK D. Pemilihan subjek kajian dan sekolah kajian dilakukan secara keseluruhan populasi. Sampel guru terdiri daripada pelbagai bangsa. Seramai 212 orang guru terlibat dalam kajian ini dan 12 orang guru dipilih sebagai kajian rintis. Semua sekolah di Taman Universiti di pilih kerana untuk mengetahui nilai integriti guru-guru yang mengajar di kawasan Taman Universiti.

1.9 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan beberapa istilah yang akan menjelaskan sesuatu perkara yang berkaitan.

1.9.1 Pengkaji

Individu yang menjalankan penyelidikan terhadap sesuatu permasalahan yang timbul daripada kehidupan seharian dan daripada isu-isu semasa yang berlaku tidak kira dalam konteks kebangsaan mahupun antarabangsa. Pengkaji boleh terdiri daripada seorang dan lebih dari seorang. Cuma dalam konteks kajian ini, pengkaji terdiri daripada seorang individu sahaja.

1.9.2 Responden

Individu ataupun subjek yang dikaji mengikut permasalahan yang telah ditentukan. Responden bertindak sebagai individu yang memberikan data yang telah diminta oleh pihak penyelidik di mana pemberian data tersebut boleh dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang tertentu seperti menjawab kepada soal selidik yang telah disediakan oleh pihak penyelidik dan juga menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh penyelidik dalam satu-satu sesi temuramah.

Responden boleh terdiri daripada seorang ataupun bergantung kepada jenis data yang disediakan oleh penyelidik samada penyelidik tersebut dibuat dari jenis kualitatif ataupun kuantitatif, populasi kajian, tajuk penyelidikan dan sebagainya.

1.9.3 Integriti

Merujuk (Kamus Dewan, 2005), integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupannya, dah lain-lain lagi.

1.9.4 Penilaian

Satu proses untuk menghasilkan nilai kuantitatif untuk menentukan peringkat pencapaian dan kedudukan dalam pembelajaran yang merangkumi aspek pengujian dan pengukuran. Satu prosedur yang sistematik dalam mentafsir hasil pengukuran untuk memberi maklumat tentang pencapaian akademik, kemahiran atau sikap. Namun dalam kajian ini, penilai adalah guru. Guru yang membuat penilaian murid dan akan memberi markah penilaian kepada setiap murid berdasarkan keputusan yang diperolehi melalui pentaksiran yang dilaksanakan.

PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai kognitif (intelektual), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani). Ianya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). PBS yang dilaksanakan pada masa kini adalah untuk mentaksir bidang akademik dan bukan akademik. Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh para guru di sekolah dan ia boleh jadi kerja rumah, projek, kuiz, soal jawab dan lain-lain lagi. PBS yang mula dilaksanakan pada 2011 adalah penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan sebelum ini. Ianya dilaksanakan melalui penunjuk standard atau band.

1.9.5 KSSR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah reka bentuk kurikulum berasaskan 6 tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan, Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi serta Keterampilan Diri. KSSR menggunakan Elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara eksplisit dengan memfokuskan kepada 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul).

1.9.6 Guru

Guru adalah individu yang ditugaskan untuk mengajar, membimbing, mengasuh dan bertindak sebagai pendidik kepada seseorang individu mahupun kumpulan (Kamus Dewan, 2005). Definisi guru ini tidak terhad hanya di sekolah sahaja malahan guru juga boleh dilihat di mana-mana tempat sekalipun asalkan ianya memegang tugas dan tanggungjawab yang sama iaitu mendidik, mengajar, membimbing dan mengasuh anak muridnya. Dalam kajian ini, guru dilihat sebagai orang yang utama dalam melaksanakan penilaian murid berasaskan KSSR. Guru juga yang bertanggungjawab untuk menentukan tahap pencapaian setiap murid melalui pentaksiran yang dijalankan.

1.10 Kesimpulan

Dalam pelaksanaan KSSR, setiap pentaksiran yang dilakukan oleh setiap guru kepada murid hendaklah berasaskan tahap pencapaian murid itu sendiri. Melalui nilai integriti yang tinggi dan telus oleh para guru, kebolehan murid-murid dinilai secara adil dan saksama berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa membanding beza dengan orang lain. Pentaksiran yang berkualiti disokong dan didukung oleh integriti akan menghasilkan modal insan yang cemerlang dan terbilang.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman Hj.Abdullah (2005). Analisis konsep-konsep asas dan falsafah pendidikan negara..*Jurnal Pendidikan*, 61(2) : 19-24.

Alimuddin Mohd.Dom (2009) *Outstanding Learders.Membina sekolah cemerlang*. Putrajaya. JNM.

Amir Hasaan Dawi (2002). *Penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak-anak diperingkat sekolah rendah*. Kertas projek yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Azizi Yahya, Shahrin Hasim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS professional Publishing Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur.

Azlina Mohd.Kassim (2008). Pengaruh personaliti terhadap kepuasan kerja dan stress kerja guru..*Jurnal Teknologi*, 48(6) : 33-47.

Gay, L.R. (1985), *Education Evaluation and Measurement: Competencies for analysis and application*. (2nd. Ed). Columbus, ohio; Charles E. Merrill Publishing Company.

Ghazali (2002). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif dan kualitatif. Jabatan Pendidikan Dan Pembangunan Maktab Perguruan Islam, Bangi. (Online report) <http://www.Scribd.com/doc/Ghazali - Scribd.htm> Oktober 18, 2009. 28

Hamidah Sulaiman, Siti Salina Abdullah, & Farrahaina Yusop (2006). Peranan ibu bapa dan guru dalam membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pencapaian akademik. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 27(6) : 9-10.

Harris, W. G. (1997). 'Integrity.' In J.J.C. Smart and Bernard Williams, *Utilitarianism: For and Against* New York: Cambridge, pp. 108–117.

Ismail Sidek (2009). The understanding and implementation of values educations. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*. 13 :86-98.

Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd.Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatusaadia (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. Membentuk Budaya Belajar dalam Organisasi*. PTS Professional Publishing.

M.Kamal Hassan. 2004. *Kepincangan Nilai Dalam Masyarakat Global. Kolokium Pengukuhan Integriti*, Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.

Mohd.Izraudin Ismail (2004). *Cabaran dan harapan dalam pendidikan menghadapi alaf baru*. Bahagian Pendidikan Guru.Kementerian Pendidikan.

Mohd.Johdi Salleh (2006). Peranan guru mencapai objektif sekolah rendah: perspektif guru besar.*Jurnal Pendidik Dan Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.

Mohd.Johdi Salleh (2008).Guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah.*Jurnal Pendidikan*.14(3) :1-4.

Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohamad Sani (2007). *Kesan integriti kepimpinan dan pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dimensi kemanusiaan terhadap iklim proses organisasi*, April,2009.

Muhammad fuad lee Abdullah (2006). Pengurusan integriti dan kelakuan beretika. *Jurnal Pendidikan*, 18(4),5-8.

- Mustafar Ali (2004). *Pelaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara berkesan. Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut kefahaman Islam Malaysia* pada Jun 2004.
- Norazren Md.Dadi, Hassan Ash'ari & Muhd.Ruzman Mat Ali (2004). *Tahap kompetensi pensyarah menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.* (Online report). Mac 12, 2009.
- Sharifah Raudzah (2008). Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku pelajar dan hubungannya dengan personaliti pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 12(4),4-7.
- Siti Rahayah Ariffin (2008). Inovasi dalam Pengukuran & Penilaian Pendidikan. Bangi.
- Siti Salina Ahmad (2004). *Punca ketegangan guru matematik sekolah rendah. Universiti Utara Malaysia.* (atas talian), Mac 4, 2009.
- Siti Zalina Ramli (2006). *Iklm etika kerja dan tingkah laku etika di kalangan kakitangan perkhidmatan awam di Negeri Sembilan.* UUM., Oktober 26, 2009
- Widang, I. & Fridlund, B. (2004). *Self-respect, dignity and confidencr: conceptions of integrity among male patients.* *Journal of Advanced Nursing*. 42(1), 47-50.